

## **PERSEKOLAHAN MELAYU BRUNEI DARUSSALAM 1950-1984: PERUBAHAN DAN CABARAN**

OLEH:

DR. HAJI AWG ASBOL BIN HAJI MAIL  
JABATAN SEJARAH, FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### **ABSTRAK:**

Dalam makalah ini cuba membincangkan tentang perubahan dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh persekolahan Melayu dari tahun 1950 hingga 1984. Pada awal tahun 1950an Sekolah Melayu memang kurang mendapat sambutan dari masyarakat Brunei, lebih-lebih lagi bagi menyekolahkan anak-anak perempuan. Hal ini berlaku kerana tenaga anak-anak lelaki dan perempuan diperlukan oleh ibu bapa untuk menolong kerja-kerja harian mereka. Bagi anak-anak lelaki amat diperlukan dalam menolong menyara kehidupan keluarga mereka, sementara itu anak-anak perempuan akan dikahwinkan dalam usia yang begitu muda. Bagaimanapun menjelang akhir tahun 1950an sikap ini mula berubah, apabila rata-rata masyarakat Brunei sudah bersedia untuk menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Melayu. Perubahan sikap ini hasil dari kempen kerajaan, pengaruh kaum guru dan media massa dalam mengalakkan masyarakat Brunei untuk menghantar anak-anak mereka ke alam persekolahan. Menjelang pertengahan tahun 1960an, Sekolah Melayu telah menampa sejarah baru apabila sistem menengah bagi sekolah ini telah diperkenalkan. Dengan adanya pendidikan menengah Melayu ini maka peluang untuk pelajar sekolah ini melanjutkan pelajaran semakin cerah, khusus ke Malaysia. Bagaimanapun peluang untuk pelajar sekolah Melayu melanjutkan pelajaran ke Malaysia telah terganggu pada tahun 1973 apabila hubungan Brunei dan Malaysia berkeadaan dingin. Dalam masa yang sama sambutan ke atas Sekolah Melayu sudah mula berkurangan. Hal ini berlaku kerana masyarakat Brunei telah mempunyai pilihan untuk memberikan pendidikan formal kepada anak-anak mereka, iaitu menyekolahkan anak-anak mereka sama ada ke Sekolah Inggeris atau Arab. Keramaian pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Melayu ini terus berkurangan menjelang akhir tahun-tahun 1970an dan awal 1980an, hal ini berlaku bukan sahaja sikap ibu bapa, tetapi kerana kesediaan kerajaan membuka peluang lebih luas untuk pelajar Brunei memasuki sama ada Sekolah Inggeris atau Arab. Akhirnya Sekolah Menengah Melayu telah ditiadakan dalam dasar pendidikan Brunei apabila kerajaan memperkenalkan Dasar Pendidikan Konsep Dwibahasa pada bulan April 1984. Ternyata hubungan Brunei dan Inggeris telah meninggalkan kesan kepada perkembangan pendidikan di negara ini termasuk persekolahan Melayu.

Dalam mengkaji sejarah hubungan Brunei dengan Inggeris, ternyata kuasa Barat ini tidak cuma meinggalkan kesan pengaruh ke atas politik, pentadbiran, ekonomi dan undang-undang, bahkan juga telah mempengaruhi sistem persekolahan atau pendidikan formal ke atas Brunei. Apabila sistem pentadbiran residen diperkenalkan di negara ini pada tahun 1906, pihak Residen British telah melihat perlunya diwujudkan sistem persekolahan sebagai alternatif kepada sistem pendidikan tradisional atau pendidikan tidak formal yang telah diamalkan oleh masyarakat Brunei. Oleh itu pada tahun 1914, pihak residen telah mengambil langkah menubuhkan Sekolah Rendah Melayu pertama di pekan Brunei, pada awalnya ia beroperasi di sebuah masjid. Sejak sekolah ini ditubuhkan sehingga tahun-tahun 1950an mempunyai tujuan bagi membolehkan anak-anak Brunei agar pandai membaca dan menulis. Oleh yang

demikian mereka boleh mewarisi pekerjaan ibu bapa mereka samada sebagai petani atau nelayan.<sup>1</sup> Perkara ini boleh dilihat justeru disekitar period tersebut perkembangan persekolahan Melayu agak perlahan berbanding dengan apa yang berlaku ke atas sekolah-sekolah Inggeris dan Cina. Biarpun kemasukan murid-murid ke Sekolah Melayu semakin bertambah dari tahun ke tahun. Perkembangan yang perlahan ini boleh dilihat dari segi sistem pendidikannya. Menjelang tahun-tahun 1950an Sekolah Melayu belum mempunyai pendidikan peringkat menengah. Kelas yang paling tinggi hanyalah setakat darjah VI, itu pun tidak semua sekolah yang mampu mengadakan kelas tersebut kerana masalah kekurangan guru. Pada masa yang sama pendidikan menengah ini sudah wujud di sekolah-sekolah lain. Sekolah Inggeris kerajaan, umpamanya sudah mempunyai pendidikan menengah hingga peringkat tingkatan V.

Oleh sebab tidak ada pendidikan menengah di Sekolah-Sekolah Melayu, maka mana-mana pelajar yang berjaya menamatkan persekolahan mereka dalam darjah VI mahu tidak mahu perlu meninggalkan bangku sekolah. Sedangkan pada tahun 1950an dan awal 1960an dilaporkan ramai murid-murid Sekolah Melayu menunjukkan minat untuk melanjutkan pelajaran mereka hingga ke peringkat menengah. Oleh sebab ketiadaan pendidikan peringkat tersebut, maka mereka tidak ada pilihan lain kecuali meninggalkan bangku sekolah. Lantaran itu ada yang berpendapat persekolahan Melayu tidak mempunyai matlamat tertentu.<sup>2</sup>

Sementara Sekolah Melayu bertujuan mewarisi pekerjaan ibu bapa sebagai petani atau nelayan, boleh dilihat dari segi kemunculan mata pelajaran perkebunan dan kraf tangan. Mata-mata pelajaran ini begitu mendapat penekanan dalam kurikulum persekolahan Melayu dalam tahun-tahun 1950an. Mata-mata pelajaran ini mula diperkenalkan dalam tahun 1922. Pada tahun-tahun 1950an hampir semua sekolah mempunyai mata pelajaran perkebunan yang melibatkan darjah III ke atas yang diadakan tiga kali seminggu dari jam 7.30 – 8.15 pagi. Dalam pelajaran ini murid-murid diajarkan teknik perkebunan dalam bentuk praktikal dan teori. Melalui mata pelajaran pelajaran ini adalah diharapkan murid-murid akan memperoleh pengetahuan asas kaedah berladang yang lebih baik berbanding dengan berkebun dengan cara

---

<sup>1</sup> Sebagaimana yang tercatat dalam *Laporan Tahunan Brunei 1953* seperti berikut:

“Bagi membolehkan anak-anak peribumi Brunei supaya pandai membaca dan menulis dalam huruf jawi dan rumi. Penggunaan huruf rumi adalah biasa dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Sementara huruf jawi digunakan dalam al-Quran. Jadi kedua-dua tulisan ini penting untuk dikuasai” (State of Brunei, *Annual Report 1953*, hlm. 65 – 66).

<sup>2</sup> Pandangan Taha Abd Rahman salah seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri dlm. Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei 16 dan 17 April 1962, hlm. 27; dan “Sistem Pelajaran Kita Harus Segera Dirubah”, *Majalah Suara Guru*, Keluaran Ketiga, (Feb. 1962), Brunei: Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei, 1962, hlm. 1

tradisional. Jadi apabila mereka ini meninggalkan bangku sekolah, maka pengetahuan ini boleh digunakan jika memilih kerjaya sebagai petani untuk mewarisi pekerjaan ibu bapa mereka. Di samping pelajaran perkebunan ada juga sekolah yang mengajarkan cara-cara berternak ayam.<sup>3</sup>

Semua Sekolah Melayu adalah dimiliki dan dibiayai oleh kerajaan, ia adalah sekolah percuma kepada rakyat. Ternyata persekolahan Melayu merupakan salah satu bentuk sistem pendidikan yang disumbangkan oleh kerajaan Brunei dalam meningkatkan taraf pendidikan generasi muda di negara ini. Persekolahan Melayu mengandungi tahap pendidikan dari darjah I hingga darjah VI. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar dalam semua mata pelajaran. Pada awal tahun-tahun 1950an sekolah ini kurang mendapat sambutan dari ibu bapa, lebih-lebih lagi di kalangan anak-anak perempuan. Sebagai contoh dalam tahun 1950, Brunei mempunyai 28 buah sekolah Melayu dengan keramaian keseluruhan muridnya 2255 orang. Dari keramaian tersebut cuma 427 orang murid perempuan. Situasi ini berterusan sehingga tahun 1954, sungguhpun pertumbuhan Sekolah Melayu semakin bertambah pada tahun ini menjadi 36 buah. Tetapi keramaian murid perempuan masih jauh berbeza dengan murid lelaki kerana murid perempuan hanyalah berjumlah 713 orang, sedangkan murid lelaki sudah mencapai 2462 orang.<sup>4</sup>

Sungguhpun murid lelaki ini pada tahun-tahun tersebut lebih banyak dari murid perempuan, ini masih dianggap belum seimbang kerana masih ramai kanak-kanak lelaki yang usia mereka layak untuk bersekolah tetapi tidak disekolahkan oleh ibu bapa mereka.. Fenomena seperti ini tidak berlaku kepada masyarakat Cina yang berada di Brunei. Mereka memberikan dorongan kepada anak-anak mereka untuk bersekolah sama ada Sekolah Cina atau Sekolah Misi.<sup>5</sup> Senario ini berlaku kerana rata-rata ibu bapa masyarakat Brunei memerlukan tenaga anak lelaki mereka yang sedang meningkat remaja untuk membantu dalam pekerjaan sebagai petani, nelayan atau lain-lain kerja persendirian. Ibu bapa perlu melakukan perkara ini kerana kebanyakan kehidupan masyarakat Melayu pada awal-awal tahun 1950an tidaklah begitu mewah. Lagipun mereka ini boleh dikatakan mempunyai keluarga yang besar sehingga ada yang memiliki anak mencapai belasan orang.

---

<sup>3</sup> State of Brunei, *Annual Report 1922*, hlm. 12; State of Brunei, *Annual Report 1952*, hlm. 40; dan *Annual Report 1953*, hlm. 65 – 68.

<sup>4</sup> State of Brunei, *Annual Report 1950*, hlm. 26; dan State of Brunei, *Annual Report 1954*, hlm. 66

<sup>5</sup> H.J Padmore, *Brunei Education Department Triennial Report For 1955 to 1957*, Brunei: Press, t. th, hlm. 6, *Annual Report 1950*, *ibid.*, hlm. 26, *Annual Report 1954*, *ibid.*, hlm. 66.

Sementara itu anak-anak perempuan perlu menolong ibu mereka untuk mengurus kerja-kerja rumah tangga seperti menyuci pakaian, pinggan mangkuk, memasak dan menjaga adik-adik mereka yang masih kecil. Mereka juga akan dikahwinkan dalam usia yang terlalu muda, disekitar usia 15 atau 16 tahun.<sup>6</sup> Sehingga timbullah perambahan Brunei, setinggi manapun anak-anak perempuan belajar akhirnya jadi D.O. jua. D.O. di sini bermaksud Dapur Officer. Implikasinya peratus anak-anak perempuan yang tidak bersekolah begitu tinggi. Ekoran dari itu pada awal tahun-tahun 1950an kerajaan menghadapi kesulitan untuk mendapatkan guru-guru perempuan dan juga jururawat bagi berkhidmat di rumah-rumah sakit kerajaan. Majoriti ibu bapa juga belum menyedari bahawa menghantar anak-anak baik lelaki atau perempuan ke sekolah adalah untuk mendapatkan berbagai ilmu pengetahuan bagi menjadikan mereka manusia yang berguna dan mempunyai masa depan yang lebih terjamin.

Pendidikan di sekolah dipandang oleh masyarakat Brunei hanya bertujuan untuk melatih anak-anak mereka bagi mendapat jawatan atau pekerjaan makan gaji terutama di sektor kerajaan. Dengan yang demikian timbullah pandangan bahawa sesiapa yang tidak berkehendakan pada pekerjaan tersebut tidaklah perlu menuntut ilmu.<sup>7</sup> Lagipun pada tahun-tahun 1950an masyarakat Brunei boleh dikatakan tidak suka berkhidmat dengan sektor kerajaan kerana pendapatan dengan bekerja sendiri lebih baik. Inilah yang menyebabkan Sekolah Melayu kurang mendapat sambutan.

Sikap masyarakat Brunei terhadap persekolahan Melayu ini berubah ke arah yang lebih positif pada akhir tahun-tahun 1950an. Perubahan ini jelas apabila jumlah bangunan Sekolah Melayu dan murid-muridnya seluruh negara meningkat dari tahun ke tahun. Perubahan yang menarik ialah sikap ibu bapa terhadap anak-anak perempuan. Mereka telah mengizinkan anak-anak perempuan untuk memasuki alam persekolahan. Pada tahun 1958 terdapat 47 buah Sekolah Melayu dengan keramaian murid lelaki 3850 orang dan murid perempuan 1947 orang menjadikan jumlahnya 5797 orang. Bilangan ini terus meningkat menjelang tahun 1959 dengan jumlah 52 buah Sekolah Melayu seluruh negara, keramaian murid lelaki menjangkau kepada 4590 dan murid perempuan 2574 orang, jumlah semuanya 7184 orang. Kesannya pada tahun 1958 ini hampir semua kampung mempunyai sekolah, 80%

---

<sup>6</sup> Padmore, *Brunei Education, ibid.*, hlm. 55 – 56, Aminuddin Baki dan Paul Chang, “Laporan Penyata Pelajaran Negeri Brunei”, bahan yang tidak diterbitkan 21 September 1959, hlm. 22.

<sup>7</sup> Aminuddin Baki dan Paul Chang, “Laporan Pelajaran Brunei,” *ibid.*, hlm. 22

kanak-kanak lelaki Melayu dan 37% kanak-kanak perempuan yang layak bersekolah telah menduduki bangku sekolah.<sup>8</sup>

Perubahan positif yang berlaku di kalangan masyarakat Brunei ini kerana mereka telah menyedari bahawa memberikan pendidikan kepada anak-anak adalah penting untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik di masa depan. Peluang-peluang pekerjaan dalam perkhidmatan kerajaan dan swasta terutama dalam Syarikat Minyak Shell Brunei telah boleh didapati dengan banyaknya. Ada di antara ibu bapa yang berkhidmat dengan kedua-dua sektor telah menyedari bahawa kepandaian membaca dan menulis adalah penting. Dengan kepandaian tersebut barulah boleh mendapat kedudukan dan tangga gaji yang lebih baik, andaikata anak-anak mereka mahu berkhidmat dengan kedua-dua sektor tersebut.<sup>9</sup>

Kemasukan media elektronik seperti radio dalam tahun-tahun 1950an juga serba sedikit mempengaruhi minda masyarakat tempatan. Menerusi media ini mereka bukan sahaja mendapat hiburan bahkan mereka telah mula terdedah dengan perkembangan politik, ekonomi dan sosial luar negeri yang disiarkan menerusi stesyen radio Sarawak, Tanah Melayu dan Indonesia, di samping stesyen radio tempatan. Dalam ruang-ruang perbincangan yang membabitkan orang ramai di radio Brunei, mereka telah berani mengketengahkan berbagai isu dan idea yang melibatkan hal-hal politik dan pentadbiran kerajaan termasuklah isu-isu pendidikan. Di samping itu bahan bacaan seperti surat khabar, buku-buku, majalah dan wayang gambar tidak kurang juga memainkan peranan dalam mengubah sikap masyarakat Brunei. Orang ramai juga mendesak kerajaan supaya mengadakan rancangan pendidikan yang lebih teratur bagi anak-anak Brunei. Ini menunjukkan masyarakat Brunei sudah mempunyai sikap sensitif terhadap perkembangan persekolahan di negara ini.<sup>10</sup>

Kemunculan orang-orang terpelajar yang dipelopori oleh guru-guru Melayu tempatan telah memainkan peranan penting dalam menyedarkan masyarakat Brunei. Mereka telah mendorong supaya para ibu bapa memberikan didikan persekolahan kepada generasi muda.

---

<sup>8</sup> A.V.M Horton, "The Development of Brunei During the British Residential Era 1906 – 1959: A Sultanate Regenerated", Ph. D. Thesis, University of Hull, United Kingdom, 1985, hlm. 419.

<sup>9</sup> Padmore, *Brunei Education* hlm. 55

<sup>10</sup> *Ibid.*, hlm. 54, 56 – 58. Temubual dengan dua orang responden Haji Abd. Hamid bin Jaludin dan Haji Mahadi bin Metarsat. Haji Abd. Hamid merupakan seorang guru Melayu yang berumur 52 tahun, penulis telah menemubual pada 2 Mei 1994 di rumah beliau di Kampong Medewa Jalan Tutong Brunei. Beliau sekarang bertugas sebagai Pensyarah di Jabatan Kesusasteraan Melayu Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Brunei Darussalam. Sementara Haji Mahadi bin Metarsat, seorang guru Melayu yang berumur 55 tahun. Temubual telah diadakan pada 12 Nov 1994 di Pusat Tingkatan Enam Gadong tempat beliau bertugas.

Kaum guru ini merupakan golongan elit yang dihormati dan digalati oleh masyarakat Brunei pada ketika itu. Kerana mereka bukan sahaja dipandang sebagai golongan terpelajar bahkan mereka sebagai pemimpin yang berpengaruh di mana sahaja mereka berada. Pengaruh kaum guru bukan sahaja pada masyarakat tempatan bahkan juga pada pihak kerajaan kerana ada di antara mereka ini dilantik oleh kerajaan menjadi ahli Majlis Mesyuarat Daerah, Majlis Mesyuarat Negeri, Jawatankuasa Perkhidmatan Awam, Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Tanah.<sup>11</sup> Jadi boleh dikatakan hubungan guru dengan masyarakat dan kerajaan boleh dikatakan erat. Sebagai golongan elit ketika itu ternyata kerajaan memerlukan tenaga mereka untuk sama-sama membangun Brunei.

Orang ramai telah menyedari bahawa untuk berurusan dengan pihak kerajaan atau swasta memerlukan mereka pandai membaca dan menulis. Contohnya urusan permohonan menjual, membeli dan memiliki tanah, membina sekolah, masjid, jalan raya dan sebagainya. Ini telah menimbulkan kesedaran kepada masyarakat bahawa kepandaian membaca dan menulis adalah penting dan memberi kemudahan kepada mereka terutama sekali dalam berkomunikasi dengan pihak kerajaan. Jadi ini membuka mata dan pemikiran mereka untuk menghantar anak-anak ke sekolah.

Kesedaran ini tidak hanya dilahirkan dalam bentuk pandangan dan menghantar anak-anak mereka ke sekolah secara beramai-ramai bahkan mereka sanggup mendirikan sekolah secara sukarela. Pada awal tahun 1950an masyarakat tempatan terutama di kawasan luar bandar mendirikan sekolah dan rumah guru dengan sukarela. Segala perbelanjaan bahan binaan ditanggung sepenuhnya oleh mereka. Pada tahun 1954 bangunan sekolah dan rumah guru yang didirikan oleh orang ramai telah mendapat bantuan kewangan dari kerajaan sebanyak \$400.00 bagi setiap buah sekolah. Perkara ini berlarutan sehingga tahun-tahun 1970an dalam mana jumlah bantuan dari kerajaan telah dinaikkan kepada \$3000.00.<sup>12</sup> Pada dasarnya bantuan ini masih boleh dianggap kecil jika dibandingkan dengan perbelanjaan yang tinggi untuk mendirikan bangunan sekolah, namun kerana semangat masyarakat Brunei begitu tinggi untuk memberikan pendidikan kepada generasi muda, maka semua ini tidak diambil kira. Bahkan bantuan yang dihulurkan oleh pihak kerajaan ini sebagai daya pendorong kepada mereka untuk berkerjasama dengan pihak berkuasa dalam menjayakan pembangunan tenaga manusia melalui pendidikan di negara ini.

---

<sup>11</sup> Padmore, *Brunei Education, ibid.*, hlm. 58 – 59

<sup>12</sup> State of Brunei, *Annual Report 1955*, hlm. 70; Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1968*, hlm. 7; dan Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1971*, hlm. 6

Kerajaan pula menjalankan kempen dan seruan yang disertai oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Omar Ali Saifuddein III sendiri dan pegawai-pegawai kerajaan. Mereka menyeru masyarakat tempatan supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah, terutama anak-anak perempuan. Kempen ini telah berjaya menyedarkan masyarakat hingga makin ramai yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Kerajaan juga menyediakan peruntukan yang besar melalui Rancangan Kemajuan Pendidikan bagi Tahun 1954 hingga 1960. Dalam rancangan ini kerajaan bukan sahaja membina sekolah bahkan juga menyediakan kemudahan-kemudahan lain kepada murid-murid sekolah. Contohnya menyediakan pengangkutan percuma untuk murid-murid berulang alik ke sekolah, elaun sara hidup, skim permakanan di sekolah-sekolah dan pemeriksaan kesihatan.<sup>13</sup> Sesungguhnya sejarah tidak boleh nafikan sumbangan besar baginda dalam mengembang majukan bidang pendidikan di negara ini.

Jadi bolehlah dikatakan penghujung tahun 1950an majoriti masyarakat tempatan telah mempunyai kesedaran tentang pentingnya memberikan pendidikan anak-anak melalui sekolah. Kesan dari kesedaran ini kemunculan Sekolah Melayu tahun-tahun demi tahun terus berkembang. Sehingga tahun 1982 jumlahnya telah mencapai 112 buah dan muridnya berjumlah 17 107 orang. Dari jumlah ini murid perempuan sudah tidak jauh bezanya dengan murid lelaki, keramaian murid perempuan 8013 dan murid lelaki 9094 orang.<sup>14</sup> Memandangkan keramaian murid Sekolah Melayu semakin meningkat, maka kerajaan perlu menaikkan taraf kelas yang ada. Pada awal tahun 1950 darjah paling tinggi hanyalah darjah IV, ia kemudiannya meningkat kepada darjah VI pada tahun 1959. Pada masa ini baru ada empat buah Sekolah Melayu yang mengadakan darjah VI.

Walaupun sambutan orang ramai terhadap Sekolah Melayu ini begitu baik, namun menjelang awal tahun-tahun 1970an hinggalah tahun 1980an jumlah murid sekolah ini mula merosot. Jumlah ini dapat bertahan di paras yang mantap kerana kemasukan murid-murid ke darjah I. Jumlah mereka ini masih boleh dikatakan ramai sehingga darjah IV. Murid Sekolah Melayu ini mula merosot sebaik-baik sahaja dalam darjah V dan VI, dan seterusnya di Sekolah Menengah Melayu. Ini disebabkan dalam darjah IV, murid-murid sudah dibenarkan untuk

---

<sup>13</sup> H.J Padmore, *Proposed Development Plan For Education Department 1954 – 1960*, Brunei: Brunei Press Kuala Belait, 1954, hlm. 1; dan State of Brunei, *Annual Report 1956*, hlm. 44

<sup>14</sup> Sila lampiran (i) keramaian murid dan bilangan bangunan Sekolah Rendah Melayu seluruh negara dari tahun 1950 – 1984; Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan Pendidikan Bagi Tahun 1981 – 1984*, hlm. 51.

memilih sekolah samada mahu masuk ke Sekolah Persediaan Inggeris atau Sekolah Arab. Mereka boleh menduduki peperiksaan untuk masuk kedua-dua sekolah tersebut selagi umur mereka belum melebihi 12 tahun. Setiap tahun jumlah yang masuk ke Sekolah Persediaan Inggeris adalah tinggi. Kesan dari dasar ini mulai tahun 1974 beberapa buah Sekolah Melayu telah dicampurkan dengan Sekolah Persediaan Inggeris di bawah pentadbiran seorang guru besar. Hal ini terus berlaku dalam tahun-tahun 1980an.

Kesan dari dasar pemilihan ke Sekolah Inggeris dan Arab ini, bukan sahaja Sekolah Melayu mengalami kekurangan pelajar bahkan terdapat murid dan pelajar yang kurang prestasi dalam pelajaran sahaja yang tinggal belajar di sekolah ini. Sementara itu pelajar-pelajar yang berpotensi telah berpindah ke Sekolah Inggeris atau Sekolah Arab. Ini menjadikan imej dan kualiti Sekolah Melayu berkurangan pada pandangan masyarakat. Sebenarnya pandangan ini bukanlah baru tetapi telah pun wujud dalam tahun-tahun 1950an apabila kerajaan telah menubuhkan Sekolah Inggeris pada bulan Oktober 1951.<sup>15</sup> Ianya muncul ekoran dari Sekolah Melayu kurang menjanjikan masa depan yang lebih baik berbanding dengan Sekolah Inggeris dan Arab<sup>16</sup>. Oleh itu majoriti ibu bapa berminta untuk memasukkan anak-anak mereka ke dua sekolah tersebut. Lebih dramatik lagi bagi ibu bapa yang berada langsung tidak mahu menyekolahkan anak-anak mereka ke Sekolah Melayu sebaliknya menghantar terus ke sekolah swasta beraliran Inggeris. Rentak kemahuan orang ramai ini nampaknya dituruti oleh kerajaan dengan mengadakan dasar pengambilan lebih ramai murid-murid ke Sekolah Persediaan Inggeris dan Sekolah Arab setiap tahun.

Menjelang tahun 1960an barulah ada sekolah Melayu yang mencapai taraf pendidikan menengah dengan mengadakan darjah VII (setaraf tingkatan I). Pendidikan menengah ini kemudiannya dilaratkan ke daerah Tutong dan Belait pada tahun 1961.<sup>17</sup> Ianya diwujudkan kerana makin ramai pelajar dari Sekolah Melayu yang mahu meneruskan pendidikan mereka hingga ke peringkat menengah.

---

<sup>15</sup> Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1970*, hlm. 2 –3; Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1968*, hlm. 6 –7; Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1969*, hlm. 8; Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1974*, hlm. 6; Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1975*, hlm. 2; dan Padmore, *Brunei Education*, hlm. 46 – 48.

<sup>16</sup> Sekolah Arab pertama telah ditubuhkan oleh Sultan Ahmad Tajuddin pada tahun 1940an, sekolah ini tidak dapat bertahan lama kerana Jepun telah menduduki Brunei. Pada tahun 1966 barulah kerajaan sekali lagi menubuhkan sekolah Arab yang dikenali sebagai Sekolah Arab Hassanal Bolkiah. Sekolah Menengah Arab (Agama) Hassanal Bolkiah BA/1163/1988, SUK. AP. 23/280/71; dan Abdul Aziz Juned, (Peny.) *Buku Kenangan Puspa*, Brunei: Jabatan Hal Ehwal Agama, 1968, hlm.62.

<sup>17</sup> Padmore, *Brunei Education*, hlm. 23, Aminuddin Baki dan Paul Chang, “Laporan Pelajaran,” hlm. 22 – 26; State of Brunei, *Annual Report 1960*, hlm. 69; Tingkatan I yang pertama sekali diadakan di Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam bandar Brunei.

Kerajaan secara rasmi menubuhkan sebuah Sekolah Menengah Melayu pada 30 Januari 1966, sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Menengah Melayu Pertama (SMMP). Ia telah di tempatkan buat sementara di Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam di bandar Brunei. Pada peringkat awal pembukaannya lebih kurang 900 orang pelajar telah diterima masuk dalam tujuh buah tingkatan I, 24 buah tingkatan II dan lima buah tingkatan III. Oleh kerana masalah tempat yang tidak mencukupi Jabatan Pelajaran Brunei hanya menjadikan Sekolah Menengah Melayu Pertama sebagai menempatkan pelajar tingkatan II dan III sahaja.<sup>18</sup>

Matlamat utama penubuhan Sekolah Menengah Melayu Pertama ini bagi membolehkan pelajar-pelajar aliran Melayu melanjutkan pelajar ke peringkat lebih tinggi dengan menduduki peperiksaan awam seperti Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan. Oleh yang demikian mereka akan berpeluang untuk melanjutkan pendidikan hingga peringkat universiti seperti mana yang telah berlaku ke atas rakan-rakan mereka dalam Sekolah Inggeris dan Arab. Dengan itu tujuan Sekolah Melayu hanya untuk setakat pandai membaca dan menulis sudah tidak dapat diterima lagi menjelang tahun 1960an, malah pihak Inggeris terpaksa akur dengan perubahan yang berlaku ke atas masyarakat Brunei yang sudah melihat persekolahan adalah sudah menjadi satu kemestian dan budaya dalam kehidupan generasi muda.

Sekolah Menengah Melayu Pertama telah memainkan peranan sebagai pusat kepada Sekolah Menengah Melayu dari daerah-daerah lain. Ini disebabkan sekolah ini sahajalah yang mengadakan sehingga tingkatan VI bawah yang telah diwujudkan pada tahun 1969. Pelajar sekolah ini mula mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran pada tahun 1966, dalam peperiksaan ini 89% telah lulus. Dalam tahun 1968 pula pelajar sekolah ini menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan pada tahun 1970 mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan. Walau bagaimanapun pada tahun 1972 barulah pertama kali empat orang pelajar Sekolah Melayu dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Jalan Muara lulus peperiksaan tersebut. Semua peperiksaan awam yang dikendalikan oleh kerajaan Malaysia kemudian ditukar kepada Sijil Rendah Pelajaran Brunei bagi menggantikan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Sementara itu Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan diganti dengan Sijil Am Pelajaran Singapura Cambridge peringkat biasa dan

---

<sup>18</sup> Simanjuntak, "Lahirnya Sekolah Menengah Melayu Pertama", *Dupa*, Majalah Tahunan Sekolah Menengah Melayu Pertama. Bil,1 Dis.1966.

lanjutan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Singapura. Peristiwa ini berlaku dalam tahun 1974.<sup>19</sup>

Sekolah Menengah Melayu ini boleh dikatakan mencapai kemuncak keramaian pada awal tahun 1970an. Ini boleh dilihat apabila dalam tahun 1971 jumlah pelajar telah mencapai 4569 orang dengan 2394 orang pelajar lelaki dan 2175 orang perempuan. Sementara itu bilangan Sekolah Menengah Melayu seluruh Brunei dalam tahun 1973 dan 1974 telah menjadi tujuh buah.<sup>20</sup> Ini menunjukkan sambutan masyarakat terhadap sekolah ini pada ketika itu adalah positif. Mereka telah memandangkan peluang untuk pelajar Sekolah Melayu melanjutkan pendidikan makin bertambah baik kerana sudah boleh mengambil peperiksaan awam sehingga peringkat yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun menjelang tahun 1975 keramaian pelajar dan bilangan Sekolah Menengah Melayu mula merosot. Pada tahun ini jumlah pelajar sekolah ini hanyalah 1564 orang dengan 934 orang pelajar lelaki dan 630 orang pelajar perempuan. Bilangannya seluruh negeri cuma tinggal lima buah. Keadaan ini terus merosot menjelang tahun 1984, keramaian pelajar sekolah ini hanya 1003 orang dan bilangan Sekolah Menengah Melayu tinggal empat buah.<sup>21</sup>

Kemerosotan ini berlaku kerana jumlah murid Sekolah Rendah Melayu yang memasuki Sekolah Persediaan Inggeris bertambah tiap-tiap tahun. Kesannya keramaian yang memasuki Sekolah Menengah Melayu mengalami kekurangan. Ini menunjukkan orang ramai lebih cenderung menyekolahkan anak-anak mereka ke Sekolah Inggeris atau ke Sekolah Arab. Dalam pada itu ramai pelajar Sekolah Melayu ini apabila lulus dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran peringkat biasa dan lanjutan berhenti sekolah. Mereka sama ada menjadi guru atau mencari kerja-kerja yang lain.<sup>22</sup> Fenomena berhenti sekolah ini lebih ketara apabila peluang untuk pelajar Sekolah Melayu melanjutkan pelajaran ke Malaysia tergendala pada awal tahun 1970an ekoran dari hubungan dingin antara Brunei dan Malaysia.

---

<sup>19</sup> Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tiga Tahun 1964 – 1966*, hlm. 8, 22; *Laporan Tahunan 1969*, hlm. 7; Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1972*, hlm. 7; Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1974*, hlm. 3; dan Simanjuntak, "Sekolah Menengah Melayu Pertama," *ibid.*, hlm. 15

<sup>20</sup> Jabatan Pelajaran, *Laporan Tahunan 1971*, hlm. 107; Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1973*, hlm. 6; dan Jabatan Pelajaran, *Laporan Tahunan 1974*, *ibid.*, hlm. 7

<sup>21</sup> Sila lihat lampiran (ii) keramaian pelajar dan banyak Sekolah Menengah Melayu seluruh Negara Brunei dari tahun 1963 hingga 1984 dan lampiran (iii) keramaian pelajar Sekolah Menengah Inggeris seluruh Negara Brunei sebagai satu perbandingan.

<sup>22</sup> Jabatan Pelajaran, *Laporan Tahunan 1974*, hlm. 8; Jabatan Pelajaran, *Laporan Tahunan 1975*, hlm. 12; Jabatan Pelajaran; dan *Laporan Pendidikan bagi Tahun 1981 – 1984*, hlm. 288.

Memandangkan kemerosotan jumlah pelajar Sekolah Menengah Melayu ini terus berlaku. Maka secara perlahan-lahan kerajaan memperkenalkan konsep intergrasi antara Sekolah Menengah Melayu dengan Sekolah Menengah Inggeris. Dalam tahun 1975 ia dilakukan bukan sahaja setakat peringkat menengah rendah bahkan juga hingga peringkat menengah tinggi apabila Pusat Tingkatan Enam ditubuhkan pada tahun tersebut. Dalam penyatuan ini juga melibatkan pelajar tingkatan VI dari Sekolah Menengah Arab.

Tanda-tanda Sekolah Menengah Melayu akan ditiadakan di masa depan berlaku apabila kerajaan memperkenalkan Dasar Pendidikan Konsep Dwibahasa dalam sistem pendidikan Brunei pada bulan April 1984.<sup>23</sup> Hal ini jelas kerana aliran Melayu hanya diikuti oleh murid-murid sekolah rendah dari kelas tadika hingga darjah III. Mulai darjah IV hingga tingkatan VI semua murid dan pelajar akan mempelajari kebanyakan mata pelajaran dalam bahasa Inggeris, kecuali bahasa Melayu, ugama, lukisan dan pendidikan jasmani.<sup>24</sup> Dari satu segi dasar ini memang baik kerana ia kelihatan mempunyai ciri-ciri kesesuaian kerana semua pelajar berpeluang memasuki Sekolah Inggeris, selain memilih Sekolah Arab. Lagipun kerajaan membuat dasar ini sebagai mengikuti kemahuan orang ramai yang kebanyakannya berlumba-lumba memasukkan anak-anak mereka ke Sekolah Inggeris. Ianya juga sebagai persediaan bagi memenuhi keperluan tenaga manusia di kalangan rakyat Brunei yang mempunyai pendidikan yang tinggi. Untuk mencapai matalamat ini, maka perlunya mereka menguasai bahasa Inggeris kerana perkembangan ilmu dan penggunaanya di peringkat antarabangsa memang ketara.<sup>25</sup> Tenaga manusia seperti ini amat diperlukan lebih-lebih lagi setelah Brunei mencapai kemerdekaan dari British pada tahun 1984. Penguasaan hal-hal pentadbiran dalam dan luar negeri yang telah dikembalikan ke pangkuan kerajaan Brunei sudah tentu memerlukan orang-orang Brunei yang mempunyai penguasaan bahasa lain selain daripada bahasa Melayu.

Perubahan dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh persekolahan Melayu dari tahun 1950 hingga 1984 bolehlah dibahagikan secara umumnya kepada tiga period. Pertama period 1953 hingga 1965, kedua period 1966 hingga 1972 dan ketiga period 1973 hingga 1985.

---

<sup>23</sup> *Pelita Brunei*, Akhbar Rasmi Kerajaan Brunei, 18 April 1984.

<sup>24</sup> Konsep intergrasi ini telah dimulakan di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam Bandar Seri Begawan pada tahun 1975. Jabatan Pelajaran, *Laporan Tahunan 1975*, hlm.11-12; Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1979-1980*, hlm.3; dan Jabatan Pelajaran, *Laporan Pendidikan bagi Tahun 1981 – 1984*, hlm. 9.

<sup>25</sup> Temubual bersama Yang Berhormat Pehin Laila Wijaya Dato Paduka Haji Awang Abdul Aziz bin Pehin Haji Umar, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, di pejabat beliau pada 9 Mac 2005, *Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam*, Brunei: Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, 1990, hlm.4.

Sungguhpun dalam period pertama masyarakat Brunei telah mengalami perubahan sikap kerana mereka telah menyedari perlunya anak-anak mereka diberikan pendidikan formal. Kesannya Sekolah Melayu dan muridnya semakin meningkat namun pada period pertama boleh dikatakan sebagai zaman kemalapan kerana pada masa ini murid Sekolah Melayu tidak mempunyai peluang untuk melanjutkan pendidikan sehingga peringkat universiti. Kewujudannya hanyalah untuk memenuhi tujuan agar murid Sekolah Melayu pandai membaca dan menulis sahaja. Period kedua dapatlah dianggap sebagai zaman kegemilangan kerana Sekolah Melayu sudah mempunyai pendidikan menengah dan peluang untuk melanjutkan pendidikan sehingga peringkat universiti sudah terbuka. Period ketiga sekali lagi Sekolah Melayu mengalami zaman kemalapan apabila peluang meneruskan pendidikan ke Malaysia terganggu pada tahun 1973, sebagai gantinya kerajaan membuka peluang kepada pelajar Sekolah Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti di United Kingdom dalam tahun 1976. Namun dasar ini kurang berjaya kerana pelajar yang dihantar ramai yang gagal kerana masalah penguasaan bahasa Inggeris. Dalam pada itu keramaian pelajar Sekolah Melayu terutama di sekolah menengah mula berkurangan kerana ibu bapa lebih suka menyekolahkan anak-anak mereka ke sekolah Inggeris dan Arab kerana mereka menyedari masa depan anak-anak mereka lebih terjamin berbanding jika mereka di Sekolah Melayu. Dengan munculnya Dasar Pendidikan Konsep Dwibahasa pada awal tahun 1984, maka Sekolah Menengah Melayu dengan sendirinya telah ditiadakan dalam dasar pendidikan Brunei. Sungguhpun begitu penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di negara ini tidak pula tergugat bahkan ianya terus mantap apabila ia terus digunakan secara meluas bukan saja dalam sektor kerajaan bahkan juga pihak swasta. Apabila Universiti Brunei Darussalam ditubuhkan pada tahun 1985, bahasa Melayu terus membuktikan dirinya bahawa ia mampu untuk menjadi bahasa ilmu di peringkat pengajian tinggi seperti mana bahasa Inggeris dan Arab. Hal ini jelas kursus-kursus yang ditawarkan dalam bahasa Melayu terus wujud dan mendapat sambutan dari mahasiswa-mahasiswi. Oleh itu disebalik sejarah hubungan Brunei dan Inggeris, ternyata telah banyak memberikan saham perubahan besar kepada perkembangan sistem persekolahan di negara ini dan tidak terkecuali persekolahan Melayu.

## BIBLIOGRAFI

### LAPORAN

- Aminuddin Baki dan Paul Chang, "Laporan Penyata Pelajaran Negeri Brunei", bahan yang tidak diterbitkan 21 September 1959
- Education Department of Brunei, *Educational Statistics of Brunei 1968 to 1978*
- Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tiga Tahun 1964 – 1966*
- Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1967 hingga 1978*
- Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1979-1980*
- Jabatan Pelajaran, *Laporan Tahunan Pendidikan Bagi Tahun 1981 – 1984*
- Ministry Education of Brunei, Educational Statistics Brunei Darussalam 1978 to (March) 1987,
- Padmore, H.J, Brunei Education Department Triennial Report For 1955 to 1957, Brunei: Press, t. Th
- State of Brunei, Annual Report 1922
- State of Brunei, Annual Report 1950 to 1967
- State of Brunei, *Annual Report 1976 to 1977*

### BUKU

- Abdul Aziz Juned, Peny. *Buku Kenangan Puspa*, Brunei: Jabatan Hal Ehwal Agama, 1968
- Padmore H.J, *Proposed Development Plan For Education Department 1954 – 1960*, Brunei: Brunei Press Kuala Belait, 1954
- Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam*, Brunei: Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, 1990

### ARTIKEL

- Simanjuntak, "Lahirnya Sekolah Menengah Melayu Pertama", dlm. *Dupa*, Majalah Tahunan Sekolah Menengah Melayu Pertama., Bil,1 Dis.1966
- "Sistem Pelajaran Kita Harus Segera Dirubah", dlm. *Majalah Suara Guru*, Keluaran Ketiga, (Feb. 1962), (Brunei: Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei, 1962), hlm. 1

### AKHBAR

- Pelita Brunei*, Akhbar Rasmi Kerajaan Brunei, 18 April 1984.

### DOKUMEN

- BA/1163/1988, SUK. AP. 23/280/71
- Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei 16 dan 17 April 1962

### TESIS

- A.V.M Horton, "The Development of Brunei During the British Residential Era 1906 – 1959: A Sultanate Regenerated", Ph. D. Thesis, University of Hull, United Kingdom, 1985

### TEMUBUAL

Yang Berhormat Pehin Laila Wijaya Dato Paduka Haji Awang Abdul Aziz bin Pehin Haji Umar telah dilahirkan pada 20 Mac 1936. Beliau merupakan di antara anak Brunei yang awal memperolehi ijazah Sarjana Muda dalam bidang ekonomi di Universiti Birmingham pada tahun 1964. Pada tahun 1981 Yang Berhormat Pehin telah dilantik sebagai Pemangku Menteri Besar. Apabila Brunei mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 Beliau telah dilantik menjadi Menteri Pelajaran dan Kesihatan. Kemudian pada tahun 1986 hingga 1987 dilantik menjadi Menteri Perhubungan. Setelah dua tahun memegang jawatan tersebut, pada tahun 1988, sekali lagi Yang Berhormat Pehin dilantik menjadi Menteri Pendidikan hingga sekarang. Beliau boleh dikatakan salah seorang pembesar Brunei yang banyak menyumbang tenaga dalam pembangunan sosial dan ekonomi

Brunei. Temubual bersama Yang Berhormat Pehin telah dibuat di pejabat beliau pada 9 Mac 2005.

Haji Abd. Hamid bin Jaludin merupakan seorang guru Melayu yang berumur 52 tahun, penulis telah menemubual pada 2 Mei 1994 di rumah beliau di Kampong Medewa Jalan Tutong Brunei. Sebelum bersara, beliau bertugas sebagai Pensyarah di Jabatan Kesusasteraan Melayu Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Brunei Darussalam.

Haji Mahadi bin Metarsat, seorang guru Melayu yang berumur 55 tahun. Temubual telah diadakan pada 12 Nov 1994 di Pusat Tingkatan Enam Gadong tempat beliau bertugas.

## LAMPIRAN I

### PEPERANGAN KERAMAIAAN MURID DAN BANYAK SEKOLAH RENDAH MELAYU SELURUH NEGERI BRUNEI 1950 HINGGA 1984

TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH B/SEKOLAH	
1950	1828	427	2255	28
1951	1852	404	2256	29
1952	1848	420	2268	32
1953	2143	536	2679	33
1954	2462	713	3175	36
1955	-	-	-	-
1956	-	-	-	-
1957	3451	1492	4943	48
1958	3850	1947	5797	47
1959	4590	2574	7164	52
1960	4875	3174	8049	53
1961	-	-	9934	56
1962	-	-	11377	67
1963	6735	5634	12369	74
1964	7899	6500	13948	83
1965	7905	7213	15118	89
1966	8179	7739	15918	88
1967	8545	8085	16630	95
1968	8317	7877	16194	98
1969	8192	7887	16079	100
1970	8106	7613	15719	102
1971	8672	7897	16569	102
1972	8661	7778	16439	103
1973	8926	8087	17013	104
1974	9077	8252	17329	104
1975	8773	7915	16688	104
1976	8518	7706	16224	106
1977	8560	7633	16193	109
1978	-	-	16081	-
1979	-	-	16566	110
1980	-	-	-	111
1981	8906	7943	16849	112
1982	9094	8013	17107	112
1983	9783	8855	18638	-
1984	8262	7435	15697	-

Sember: State of Brunei, *Annual Report 1950 to 1960*; State of Brunei, *Annual Report 1976 to 1977*; dan Jabatan Pelajaran, *Laporan Tahunan 1964 hingga 1984*.

## LAMPIRAN II

### PERANGKAAAN KERAMAIAAN PELAJAR DAN BANYAK SEKOLAH MENENGAH MELAYU SELURUH NEGERI BRUNEI 1963 HINGGA 1984

TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH	B/SEKOLAH
1963	-	-	548	4
1964	451	389	840	4
1965	722	553	1275	4
1966	1061	767	1828	4
1967	1506	1209	2715	5
1968	1855	1564	3419	6
1969	2185	1882	4067	6
1970	2345	2142	4487	6
1971	2394	2175	4569	6
1972	2200	1939	4139	6
1973	1969	1657	3626	7
1974	1901	1440	3341	7
1975	934	630	1564	5
1976	939	587	1526	5
1977	949	594	1543	5
1978	-	-	-	-
1979	758	460	1218	4
1980	682	406	1088	4
1981	-	-	1102	4
1982	-	-	1025	4
1983	-	-	992	4
1984	-	-	1003	4

Sumber: State of Brunei, *Annual Report 1963*; State of Brunei, *Annual Report 1976-1977*; dan Jabatan Pelajaran, *Laporan Tahunan 1964-1984*.

### LAMPIRAN III

#### PERANGKAAAN KERAMAIAAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH INGGERIS SELURUH NEGERI BRUNEI 1957-1983

TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1957	249	81	330
1958	326	113	439
1959	-	-	-
1960	-	-	-
1961	-	-	-
1962	-	-	-
1963	518	208	726
1964	578	240	818
1965	698	311	1009
1966	935	444	1379
1967	1093	540	1633
1968	1353	818	2171
1969	1619	1107	2726
1970	1864	1414	3278
1971	2247	1868	4115
1972	2715	2362	5077
1973	3050	2849	5899
1974	3472	3373	6845
1975	3580	3658	7238
1976	3768	4196	7964
1977	3665	4159	7824
1978	3751	3970	7721
1979	3661	3683	7344
1980	3889	3858	7747
1981	3853	4340	8193
1982	3985	4625	8610
1983	4665	5538	10203

Sumber: State of Brunei, *Annual Report 1957 to 1967*; Education Department of Brunei, *Educational Statistics of Brunei 1968 to 1978*; Ministry Education of Brunei, *Educational Statistics Brunei Darussalam 1978 to (March) 1987*; dan Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan Pendidikan Bagi Tahun 1981-1984*